

Sistem SELAMAT bendung penipuan

Kaedah elak kegiatan pemalsuan dalam urusan pentadbiran tanah

Soalan: Setakat manakah penipuan dan pemalsuan yang terjadi?

Jawapan: Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 730 kes aduan penipuan dan pemalsuan telah dilaporkan dari 2005 hingga 2012 dengan Sabah dan Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu masing-masing 154 dan 106 kes. (Sila rujuk Jadual 1)

S: Apakah dokumen yang ditipu dan dipalsukan?

J: Dokumen-dokumen yang kebiasaannya ditipu dan dipalsukan adalah Dokumen Pindah Milik, Suratan Hakmilik, Perjanjian JualBeli, Surat Kuasa Wakil dan Keputusan Mahkamah.

S: Bagaimana SELAMAT dapat membendung penipuan dan pemalsuan?

J: Semua pihak yang berurusan dengan Unit Pendaftaran di PTG dan PTD wajib melalui tatacara SELAMAT supaya cap jari yang diimbau adalah sepadan dengan cap jari dalam MyKad.

Maklumat yang terkandung dalam Mykad akan disimpan dalam pangkalan data SELAMAT. Maklumat yang disimpan akan digunakan pada masa hadapan sekiranya berlaku penipuan dan pemalsuan.

Proses kerja SELAMAT adalah seperti dalam Lakaran A.

S: Sehingga ini Pejabat Tanah manakah yang menggunakan SELAMAT?

J: Projek perintis SELAMAT dilaksanakan di PTD Temerloh pada Mac 2010. Selaras dengan kejayaan yang dilaksanakan di PTD Temerloh, SELAMAT diperluaskan ke seluruh Perak, PTG Kelantan dan PTD Petaling pada 2011, manakala pada 2012, SELAMAT diperluaskan ke PTG Pahang, PTG Perlis, PTD Hulu Langat, PTD Kuala Terengganu, PTD Kulaijaya dan PTD Klang. Pada 2013, SELAMAT akan dilaksanakan di seluruh Pahang, PTG Selangor, PTG Johor, PTG Kedah dan PTD Kota Setar.

S: Apakah cabaran melaksanakan SELAMAT?

J: Pada peringkat awal, terdapat persepsi negatif daripada orang awam, pihak peguam dan pengguna SELAMAT yang beranggapan SELAMAT adalah menyusahkan dan menambah lapisan birokrasi yang menjadi cabaran kepada JKPTG dalam melaksanakan SELAMAT.

Walau bagaimanapun, dengan usaha promosi, penerangan dan kerjasama daripada semua kerajaan negeri, persepsi negatif itu berjaya diperbetulkan dan kini diakui manfaat serta kebaikannya bagi membendung penipuan dan pemalsuan.


S: Bagaimakah maklum balas pengguna SELAMAT?

J: SELAMAT diterima baik oleh semua peng-

SELAMAT adalah singkatan Secured Land Management System yang dibangunkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Sistem ini digunakan untuk mengimbas dan merekodkan cap jari pemilik atau wakilnya yang berurusan di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah (PTD) agar keselamatan urusan pentadbiran tanah terjamin. Pelaksanaan SELAMAT akan memberi impak positif untuk menangani isu penipuan dan pemalsuan di dalam urusan tanah dengan lebih baik dan berkesan di samping dapat mengukuhkan kepercayaan rakyat dan pelabur terhadap pentadbiran tanah khususnya dan kerajaan amnya.

Lakaran A

INFO
Proses kerja SELAMAT



Pelanggan SELAMAT ketika berurusan di kaunter.

Jadual 1

duna dan menyedari ia dapat melindungi cubaan penipuan dan pemalsuan dokument.

S: Apakah faktor penarik kejayaan SELAMAT?

J: Kejayaan SELAMAT adalah bergantung kepada sokongan pengurusan atasan, komitmen pengguna dan kerjasama semua pihak terutama Majlis Peguam, Ketua Masyarakat dan orang awam.

S: Apakah hala tuju SELAMAT seterusnya?

J: JKPTG dalam Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015), sudah diluluskan sejumlah peruntukan untuk melaksanakan SELAMAT ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Namun demikian, SELAMAT akan lebih berkesan dilaksanakan dengan cepat dan menyeluruh melalui perkongsian kos di antara JKPTG dengan PTG negeri.

INFO
Statistik kes aduan penipuan dan pemalsuan mengenai urusan tanah dari 2005 – Mei 2012

Negeri	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	Jumlah	Peratus
Sabah	14	10	13	18	27	25	30	17	154	21.1
Selangor	7	13	10	11	18	15	22	10	106	14.5
Pulau Pinang	2	8	17	11	6	5	4	2	55	7.5
Perak	0	3	9	11	7	11	9	4	54	7.4
Kuala Lumpur	3	3	6	19	6	7	1	8	53	7.3
Sarawak	4	3	2	10	5	12	13	4	53	7.3
Kedah	2	5	4	8	6	10	7	9	51	7.0
Johor	3	4	1	6	5	11	14	5	49	6.7
Terengganu	1	8	3	7	12	10	5	0	46	6.3
Pahang	2	2	2	2	5	11	12	2	38	5.2
Negeri Sembilan	1	2	4	4	5	4	3	3	26	3.6
Kelantan	2	3	2	2	7	5	3	1	25	3.4
Malaka	3	2	1	4	2	5	0	0	17	2.3
Perlis	0	0	0	0	0	1	1	1	3	0.4
Jumlah	44	66	74	113	111	132	124	66	730	100

